# PANDUAN MENGISI BORANG PENDAFTARAN PEMBAYAR CUKAI SYARIKAT SECARA ONLINE

1. Layari http://www.hasil.gov.my dan klik pada butang <e-Daftar> seperti dipaparkan pada rajah di bawah.




Rajah: Laman Utama Web LHDNM

2. Layari http://ekl.hasil.org.my/ seperti yang tertera pada rajah di bawah. Klik pada <Daftar Pembayar Cukai> untuk papar borang pendaftaran pembayar cukai syarikat.




Rajah: Laman Utama e-Daftar

3. Isikan maklumat permohonan pada ruangan yang disediakan. Semua medan yang mempunyai label ikon mestilah diisi oleh pemohon.



Rajah: Skrin Borang Pendaftaran Pembayar Cukai Syarikat

4. Klik butang <Hantar> setelah borang telah diisi dengan lengkap.



Rajah: Skrin Borang Pendaftaran Pembayar Cukai Syarikat

5. Sistem akan paparkan label ikon pada medan yang tidak diisi dengan lengkap. Sila gerakkan tetikus pada ikon untuk membaca keterangan kesilapan mengisi borang. Ulang langkah 4 setelah kesilapan mengisi borang telah dibaiki.




Rajah: Skrin Borang Pendaftaran Pembayar Cukai Syarikat

6. Sekiranya borang permohonan  telah diisi dengan lengkap, mesej <Maklumat Borang Pendaftaran Yang Anda Masukkan Adalah Seperti Di bawah. Sila Semak Dan Klik Butang Setuju> akan dipaparkan.




Rajah: Skrin Borang Pendaftaran Pembayar Cukai Syarikat

7. Klik butang <Setuju> setelah anda pasti borang permohonan telah diisi dengan lengkap dan betul.




Rajah: Skrin Borang Pendaftaran Pembayar Cukai Syarikat

8. Sila catatkan atau cetak  <No. Permohonan Pendaftaran pembayar cukai>.
   - Sila gunakan <No. Permohonan Pendaftaran pembayar cukai> untuk menyemak  status permohonan pendaftaran <Nombor Rujukan Cukai Pendapatan> anda.
   - Klik <Status Permohonan Syarikat> untuk menyemak status permohonan pendaftaran pembayar cukai syarikat.
   - <Nombor Rujukan Cukai Pendapatan> anda akan diberikan setelah permohonan pendaftaran pembayar cukai selesai diproses.




Rajah: Skrin Borang Pendaftaran Pembayar Cukai Syarikat setelah borang berjaya dihantar ke Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia(LHDNM)

9. Layari [http://ekl.hasil.org.my/ekl/infoc.php](http://ekl.hasil.org.my/ekl/infoc.php) untuk muat naik dokumen borang 9 dan borang 49 atau menyemak status permohonan pendaftaran pembayar cukai syarikat. Taipkan <No Permohonan> dan klik butang <Semak>.  Status permohonan pendaftaran pembayar cukai syarikat akan dipaparkan seperti di bawah. Klik butang <Cetak Maklumat Pendaftaran> untuk mencetak borang pendaftaran pembayar cukai syarikat.




Rajah: Skrin status permohonan pendaftaran pembayar cukai syarikat

10. Permohonan pendaftaran pembayar cukai syarikat yang bermastautin di Malaysia perlulah menghantar dokumen salinan borang 9 dan borang 49 kepada LHDNM sama ada melalui faks, e-mel atau muat naik melalui internet.